

## **KEMAHIRAN KOMUNIKASI DALAM KALANGAN MAHASISWA AKADEMI PENGAJIAN ISLAM, UNIVERSITI MALAYA (APIUM): ISU DAN SOLUSI**

*(Communication Skills Among Students of Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya  
(AISUM): Issues and Solutions)*

Ain Nabiha binti Awaludin\* & Aizan binti Ali @ Mat Zin\*\*

### **Abstrak**

Isu kelemahan komunikasi graduan tempatan sering menitir di hujung pena para majikan yang menemuduga calon-calon pekerja institusi mereka. Maklum balas yang diberikan oleh pihak majikan telah mendapat perhatian pihak Kementerian Pengajian Tinggi. Rentetan daripada itu, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) memperkenalkan Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (*Soft Skills*) sebagai satu inisiatif untuk menerapkan kemahiran insaniah dalam diri mahasiswa terutamanya kemahiran komunikasi. Sehubungan dengan ini, pihak pengurusan universiti telah mengambil pelbagai langkah dan intervensi dalam meningkatkan kemahiran generik dan salah satunya ialah kemahiran komunikasi. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti isu-isu kemahiran komunikasi dan solusinya bagi meningkatkan kemahiran ini dalam kalangan mahasiswa APIUM. Data-data kajian dikumpulkan melalui kaedah dokumentasi dan soal selidik. Pensampelan rawak berstrata digunakan bagi memudahkan pengedaran borang kaji selidik kepada responden yang terdiri daripada 115 orang mahasiswa program Ijazah Sarjana Muda dari pelbagai jurusan pengajian di APIUM. Metod analisis data yang diperoleh menggunakan perisian *Statistical Package of Social Science (SPSS) version 27.0*. Hasil dapatan kajian menunjukkan kemahiran komunikasi mahasiswa APIUM berada pada tahap yang sederhana berdasarkan keyakinan dan kebolehpasaran mahasiswa. Bengkel pemantapan kemahiran komunikasi, aktif menyertai pelbagai program seperti pengucapan awam, debat dan lain-lain merupakan solusi yang signifikan dalam meningkatkan kemahiran komunikasi. Kesimpulannya, APIUM telah menggalakkan penglibatan para mahasiswa dalam pelbagai program dalam kampus dan di luar dalam usaha pemerkasaan kemahiran komunikasi demi kemenjadian mahasiswa pada masa hadapan.

**Kata kunci:** Kemahiran komunikasi, budaya Islam, masyarakat Islam, institusi Islam, pengajian Islam

### **Abstract**

*The communication weaknesses of local graduates are often at the end of the pen of employers who interviewed prospective employees for their institutions. The feedback given by the employers has been brought to the attention of the Ministry of Higher Education. Therefore, the Ministry of Higher Education (KPT) introduced the Soft Skills Development Module as an initiative to apply human skills to students, especially communication skills. In connection with this, the university management has taken various steps and interventions to improve generic skills and one of them is communication skills. In addition, this study is conducted to identify issues of communication skills and its solutions to enhance these skills*

---

\* Ain Nabiha binti Awaludin. Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur 50603 Malaysia. Emel: [ainnabiha2208@gmail.com](mailto:ainnabiha2208@gmail.com)

\*\* Aizan binti Ali @ Mat Zin, (PhD) Profesor Madya di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur 50603 Malaysia. Emel: [aizan@um.edu.my](mailto:aizan@um.edu.my)

*among AISUM students. Data is collected through documentation methods and questionnaires. Stratified random sampling is used to facilitate the distribution of survey forms to respondents consisting of 115 undergraduate students from various academic disciplines at AISUM. Statistical data analysis method benefitted the Statistical Package of Social Science (SPSS) software version 27.0. The findings show that the communication skills of AISUM students are at a moderate level based on student confidence and market capabilities. Communication skills monitoring workshops, active participation in various programmes such as public speaking, debates and others are significant solutions in improving communication skills. In conclusion, AISUM has encouraged the involvement of students in various programmes within and outside the campus as an effort to enhance their communication skills for their future endeavours.*

**Keywords:** *communication skills, Islamic culture, Islamic society, Islamic institution, Islamic studies.*

## **Pengenalan**

Penilaian terhadap kemahiran generik dalam kalangan mahasiswa IPT di Malaysia mula diutamakan apabila pada tahun 2006, Malaysian Qualification Framework (MQF) telah diimplementasikan. Oleh itu, instrumen MQF ini memberi penekanan terhadap lapan domain bagi hasil pembelajaran di mana ia memberi kesan signifikan kepada pembangunan modal insan serta negara iaitu; (1) pengetahuan, (2) kemahiran praktikal, (3) kemahiran dan tanggungjawab sosial, (4) nilai, sikap dan profesionalisme, (5) kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan, (6) kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran saintifik, (7) pengurusan maklumat dan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat serta (8) kemahiran pengurusan dan keusahawanan.

Manakala kemahiran generik pula merupakan sebuah kemahiran yang boleh diadaptasi bagi merentasi pelbagai jurang pekerjaan. Ia turut meliputi kemahiran kompetensi tetapi lebih terperinci termasuklah kognitif, kemahiran personal dan interpersonal yang bersesuaian dengan kebolehpasaran pekerja khususnya para graduan. Kemahiran generik juga boleh diklasifikasikan mengikut pembahagiannya sepertimana Mohd Yusuf et al. (2010) mendefinisikannya iaitu: kemahiran komunikasi, kemahiran kepimpinan, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran pemikiran praktikal dan penyelesaian masalah, kemahiran pembelajaran sepanjang hayat dan pengurusan maklumat, kemahiran kerohanian, kemahiran keusahawanan, kemahiran menggunakan teknologi, kemahiran sosial serta kemahiran etika dan moral.<sup>1</sup> Di sini jelas menunjukkan bahawa kemahiran komunikasi termasuk di antara kemahiran yang semakin menjadi tumpuan majikan sebagai salah satu kriteria penting dalam pemilihan kerja.

Dalam pada itu, komunikasi merupakan sebuah elemen terpenting dalam menjalani kehidupan seharian. Komunikasi juga menjadi medium perantaraan di antara masyarakat dalam menyampaikan sebarang maklumat mahupun berita. Bahkan ia juga tidak hanya tertakluk kepada percakapan sahaja namun turut meliputi mendengar, membaca, menulis serta pergerakan badan. Sesetengah pihak berpendapat bahawa komunikasi ini merupakan satu kebolehan yang sudah sekian lama menapak dalam diri namun ianya perlu kepada usaha untuk meningkatkan kebolehannya sesuai dengan perkembangan modal insan. Justeru itu,

---

<sup>1</sup> Kemahiran Generik dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan, PUO, 95.

kajian ini bertujuan untuk mengkaji kebolehan mahasiswa APIUM dalam berkomunikasi melalui isu-isu yang signifikan berserta solusi yang bertepatan untuk menggilap kemahiran komunikasi dalam diri mahasiswa.

## **Permasalahan Kajian**

Keupayaan modal insan dalam membentuk sumber manusia yang berguna amat mempengaruhi pembangunan sesebuah negara. Setiap negara mempunyai penanda aras masing-masing dalam memajukan ekonomi negara seiring dengan pembentukan sumber manusia yang berkredibiliti serta produktif. Adapun beberapa buah negara berjaya dalam mencapai sasaran mereka demi menjana ekonomi negara hanya meletakkan kebergantungan kepada sumber manusia walaupun modul fizikalnya berada pada tahap yang minimum. Berlainan pula dengan beberapa buah negara yang mewah dengan modul fizikalnya tetapi gagal dalam meningkatkan ekonomi disebabkan kekurangan sumber manusia yang berdaya saing dan berkaliber. Justeru itu, cabaran yang dilalui oleh Malaysia adalah untuk membentuk sumber manusia yang berkemahiran dan menjadi penggerak kepada pembangunan negara khususnya para graduan.<sup>2</sup>

Walau bagaimanapun, kemahiran generik dalam diri graduan tidak dipertingkatkan dan kebanyakannya tidak menguasainya terutama kemahiran komunikasi yang menjadi punca kepada kurangnya peluang pekerjaan yang ditawarkan. Bahkan mereka hanya memberikan tumpuan kepada peningkatan dalam bidang akademik sahaja tanpa menitikberatkan kepada kemahiran generik atau lebih dikenali sebagai kemahiran insaniah. Fenomena ini berlaku disebabkan kemahiran komunikasi telah menjadi salah satu syarat para majikan dalam memilih pekerja dan bakal pekerja iaitu graduan tidak dapat memenuhi keperluan dalam kemahiran berkomunikasi. Hal ini kerana, dalam dunia pekerjaan, berkomunikasi merupakan elemen penting ketika berinteraksi dengan para pelanggan mahupun dengan staf di tempat kerja.

Namun demikian, timbulnya satu norma di mana kebanyakan graduan tidak menitikberatkan kemahiran komunikasi kerana mereka menganggap kemahiran ini tidak penting sedangkan ia membawa manfaat kepada para graduan dalam jangka masa yang panjang. Malahan, kurangnya penguasaan dalam kemahiran berkomunikasi ini juga turut memberi kesan kepada kurangnya kredibiliti graduan untuk berdaya saing di peringkat global. Antara faktor berlakunya tahap pengangguran yang tinggi dalam kalangan mahasiswa adalah disebabkan mereka tidak mempunyai keyakinan dalam diri<sup>3</sup> dan memilih untuk tidak mengambil risiko dengan berdiam diri tanpa melakukan sebarang tindakan. Situasi sedemikian mendampakkan kelemahan mahasiswa dalam aspek komunikasi mereka dan memerlukan kepada pengukuhan bagi menghasilkan modal insan yang berkemahiran.

Justeru itu, sebuah kajian akan dijalankan bagi mengkaji isu-isu mengenai kemahiran komunikasi dalam kalangan mahasiswa Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya serta solusi yang bersesuaian bagi meningkatkan kemahiran komunikasi mereka. Hal ini supaya

---

<sup>2</sup> Husain, M. Y., Mokhtar, S. B., Kamil, A. A., & Mustapha, R. (2010). *Kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar Kejuruteraan Elektrik Politeknik Sultan Azlan Shah*. Paper presented at the The Regional Seminar on Sciences, Technology and Social Sciences.

<sup>3</sup> Buntat, Y., & Hassan, M. S. (2010). Kemahiran komunikasi dalam meningkatkan keyakinan diri pelajar. Satu tinjauan di kalangan Ahli Jawatankuasa Kolej Mahasiswa, Universiti Teknologi Malaysia. 1–2.

mereka akan lebih bersedia untuk menempuh alam pekerjaan selain daripada dapat membangunkan modal insan yang berkredibiliti tinggi.

## **Objektif Kajian**

Kajian ini memfokuskan kepada objektif-objektif seperti berikut:

1. Mengetahui kemahiran komunikasi dalam kalangan mahasiswa Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
2. Mengetahui isu kemahiran komunikasi yang dihadapi oleh mahasiswa APIUM.
3. Mengetahui solusi bagi mengatasi kemahiran komunikasi dalam kalangan mahasiswa APIUM.

## **Metodologi Kajian**

### **Populasi dan Sampel Kajian**

Populasi kajian ini terdiri daripada mahasiswa mahasiswi Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Pemilihan sampel kajian ini, menggunakan kaedah pensampelan purposif. Sekumpulan subjek atau responden telah dikenal-pasti mempunyai ciri-ciri tertentu berdasarkan pengetahuan atau pengalaman<sup>4</sup> mereka berkaitan isu yang dikaji. Seramai 115 orang mahasiswa Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (APIUM) yang mengikuti kursus Ijazah Sarjana Muda bagi sesi 2022/2023 telah memberi maklum balas dan data-data mentah yang diperlukan dalam kajian ini. Jumlah sampel adalah 6.2% daripada jumlah keseluruhan populasi iaitu seramai 1865 orang.<sup>5</sup>

### **Kaedah Pengumpulan Data**

#### **a. Dokumentasi**

Kajian ini menggunakan kaedah dokumentasi dalam mengumpulkan segala maklumat atau data yang berkaitan dengan tajuk kajian selain daripada memberi jawapan kepada soalan kajian yang ditetapkan berdasarkan sumber rujukan seperti artikel jurnal, buku, tesis, latihan ilmiah, majalah dan akhbar sama ada ia berbentuk fizikal atau secara maya (online). Kebanyakan bahan-bahan yang dirujuk adalah dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan tujuan untuk mengumpulkan data-data yang berkaitan menggunakan kaedah dokumentasi. Oleh itu, kaedah ini merupakan kaedah pengumpulan data yang paling mudah dan menjimatkan masa berbanding kaedah-kaedah yang lain.<sup>6</sup>

#### **b. Soal Selidik**

Soal selidik adalah kaedah pengumpulan data yang sesuai untuk bilangan responden yang ramai. Ia dapat menjimatkan masa pengkaji dalam usaha pengumpulan data kerana instrumen

---

<sup>4</sup> Konting, M. M. (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>5</sup> Bahagian Ijazah Dasar, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>6</sup> Ali @ Mat Zin, A. (2022). *Metodologi Penyelidikan Sejarah Islam*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad. p. 59.

kajian dapat berhubung terus dengan kumpulan sasaran secara serentak. Borang soal selidik mengandungi beberapa bentuk soalan. Pertama: soalan dengan pelbagai pilihan jawapan. Kedua: soalan tertutup yang mana soalan-soalan telah ditetapkan dengan frasa kata yang tetap dan dalam urutan tertentu.<sup>7</sup>

Soal selidik ini dibahagikan kepada enam bahagian (A, B, C, D, E dan F) yang meliputi soalan berbentuk pilihan dan *open-ended question*. Terdapat juga soal selidik berbentuk skala likert lima mata digunakan bagi memperolehi data yang dikehendaki berpandukan kepada objektif kajian. Skala likert yang digunakan adalah seperti berikut:

**Jadual 1: Skala Likert**

SKALA	MAKLUM BALAS
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Kurang Setuju
4	Setuju
5	Sangat Setuju

Soal selidik diedarkan kepada 115 orang responden dan secara atas talian melalui aplikasi *Google Form* dan juga secara fizikal di mana pengkaji mengedarkan sendiri borang soal selidik ini kepada mahasiswa APIUM yang terpilih.

### **Metode Analisis Data**

Terdapat tiga metode yang digunakan bagi menganalisis data-data berdasarkan kaedah pengumpulan data berikut iaitu:

#### **a. Analisis Induktif**

Analisis induktif ini merupakan penganalisan terhadap data-data yang didapati daripada perkara-perkara yang khusus untuk memperoleh kesimpulan secara umum. Analisis ini digunakan dengan membahagikan masalah kajian menjadi lebih kecil dan menerangkan isi kandungan semua bab secara umum sahaja.<sup>8</sup>

#### **b. Analisis Deduktif**

Analisis deduktif ini pula meletakkan teori yang umum dan dikhususkan kepada satu masalah dan fenomena berdasarkan kepada isu-isu kemahiran komunikasi yang berlaku dalam kalangan mahasiswa APIUM serta solusinya sehingga membentuk satu kesimpulan kajian khusus.<sup>9</sup>

---

<sup>7</sup> Mangkau, I. D. (2013, 13 Jun). *Penguasaan kemahiran komunikasi interpersonal dalam kalangan pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional di UTHM*. Paper presented at the Prosiding Seminar Pendidikan Pasca Ijazah dalam PTV Kali Ke-2.

<sup>8</sup> Ali @ Mat Zin, A., p. 74.

<sup>9</sup> Ali @ Mat Zin, A., p. 75.

### c. Analisis Deskriptif

Analisis data deskriptif pula merupakan metode analisis dengan cara mengumpulkan data-data yang bersesuaian dan disusun, diolah serta dianalisis bagi mendapatkan gambaran mengenai isu yang dihadapi. Kebiasaannya analisis data secara deskriptif ini akan dipaparkan dalam bentuk jadual, graf mahupun carta yang meliputi nilai min, kekerapan dan juga peratusan.<sup>10</sup> Penggunaan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 27.0* bagi menganalisis data-data yang terkumpul dan julat skor min berikut akan digunakan sebagai panduan ketika menganalisis data.

**Jadual 2: Julat Skor Min**

JULAT SKOR MIN	TAHAP KECENDURANGAN MIN
1.00 – 2.40	Rendah
2.41 – 3.80	Sederhana
3.81 – 5.00	Tinggi

Sumber: (Diadaptasi dari Wiersma, W., 1995)<sup>11</sup>

### Definisi Kemahiran Komunikasi

Istilah komunikasi ini mempunyai jaringan makna yang amat luas. Komunikasi berasal dari perkataan bahasa Latin iaitu 'cum' yang bermaksud *dengan* atau *bersama dengan*. Manakala kata 'units' pula membawa makna *satu*. Gabungan dua perkataan ini membentuk kata kerja 'communio' atau dalam Bahasa Inggerisnya 'communion' yang membawa erti kebersamaan, persatuan, gabungan, persekutuan, pergaulan ataupun hubungan. Maka, terbitnya perkataan 'communicate' iaitu memberi sesuatu kepada seseorang, saling bertukar, berbicara dengan seseorang akan sesuatu perkara, bertukar maklumat, berkata-kata dan sebagainya. Oleh itu, komunikasi didefinisikan sebagai pemberitahuan, percakapan, bertukar maklumat atau jalinan perhubungan.<sup>12</sup>

Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan komunikasi sebagai perhubungan sama ada secara langsung atau tidak langsung atau dengan perantaraan medium seperti radio, surat, telefon dan lain-lain.<sup>13</sup> Adapun dikatakan komunikasi berasal juga dari perkataan Latin iaitu 'communiatus' iaitu berkongsi akan sesuatu perkara. Tambahan pula, komunikasi turut merupakan proses bagi sesuatu idea, nilai, perlakuan atau sikap dan ia dikongsikan oleh seseorang individu itu kepada orang lain.<sup>14</sup> Terdapat juga pendapat yang menyatakan bahawa komunikasi berasal dari perkataan 'communicare' atau bahasa Inggerisnya 'communication' bererti perhubungan. Namun pada tahun 1980-an, perkataan komunikasi ini telah digunapakai

<sup>10</sup> Andriani, N. (2019). Tinjauan Pustaka: Analisis Deskriptif. Universitas Muhammadiyah Semarang. <http://repository.unimus.ac.id/3932/3/13.%20BAB%20II.pdf>

<sup>11</sup> Abbas, R. (2017). Kompetensi interpersonal dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP): Satu analisis). *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 1(4), 113. <https://journal.ump.edu.my/ijhtc/article/view/1054/165>

<sup>12</sup> Pohan, D. D., & Fitria, U. S. (2022). Jenis-jenis komunikasi. *Cybernetics; Journal Educational Research and Social Studies*, 2(3), 31.

<sup>13</sup> Komunikasi. (2004). In *Kamus Dewan Edisi Keempat* (4th ed., p. 812). Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>14</sup> Ahmad, N. S., Amzah, F., & Che Aman, R. (2008). Kemahiran komunikasi guru pelatih Universiti Sains Malaysia. *Jurnal Pendidik Dan Pendidikan*, 24, 126. [http://apjee.usm.my/APJEE\\_24\\_2009/JPP24\\_08\\_NorShafrin\\_125-142.pdf](http://apjee.usm.my/APJEE_24_2009/JPP24_08_NorShafrin_125-142.pdf)

dan menggantikan perkataan perhubungan mengikut kepada konteks perkembangan semasa.<sup>15</sup>

Menurut Dora et al (2008), komunikasi ialah perkongsian maklumat di antara pihak sumber kepada pihak yang menerima sumber tersebut. Sumber berikut merujuk kepada seseorang individu yang menjadi pencetus idea dalam menyampaikan maklumat dan penerima di sini pula bermaksud sekumpulan atau seorang individu yang menjadi sasaran dalam menerima sebarang maklumat.<sup>16</sup> Manakala jika dilihat dari sudut pandang Islam, Hussain (1990) berpendapat bahawa komunikasi bermaksud sebuah proses menyampaikan atau bertukar maklumat dengan menggunakan prinsip serta kaedah yang digariskan di dalam Al-Qur'an dan juga hadis. Definisi ini lebih umum dan menyeluruh kerana ianya meliputi penekanan terhadap tiga hubungan iaitu hubungan dengan Allah, hubungan sesama manusia serta hubungan dengan makhluk lain.<sup>17</sup>

Oleh hal yang demikian, dapat disimpulkan bahawa komunikasi ini merupakan satu proses di mana seseorang individu tersebut ingin menyampaikan sesuatu maklumat mahupun info kepada pihak lain sama ada secara berseorangan atau berkumpulan. Proses ini berlaku sama ada secara langsung atau tidak malahan melalui alat komunikasi seperti radio, telefon, surat dan lain-lain lagi. Setelah menelusuri pelbagai jaringan makna bagi istilah komunikasi, apa pula yang dimaksudkan dengan kemahiran komunikasi? Kemahiran komunikasi atau '*communication skills*' merupakan salah satu kemahiran yang digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertujuan untuk membentuk modal insan yang berdaya saing serta berketerampilan.

Melihat pula kepada kemahiran komunikasi, kemahiran ini juga mendidik seseorang individu itu untuk memastikan setiap maklumat yang ingin disampaikan adalah berkesan serta difahami dengan jelas oleh pihak penerima, Bahkan menurut Nawawi et al (2020), kemahiran komunikasi yang berkesan adalah seseorang pendidik itu dapat mencapai objektif pembelajaran yang telah dirancang dengan baik selain daripada dapat memupuk kemahiran komunikasi dalam diri pelajar.<sup>18</sup> Komunikasi yang berkesan turut mempunyai ciri-ciri yang tertentu iaitu; (i) ciri kefahaman, apabila penerima maklumat memahami kata-kata penyampai sebagaimana yang ingin dimaksudkan ketika mendengarnya, (ii) ciri keseronokan, bilamana seseorang itu berkomunikasi disebabkan ingin menyampaikan maklumat kepada penerima tetapi hanya atas kehendak ingin mencari keseronokan ketika berinteraksi, (iii) menjaga kepercayaan sasaran iaitu dengan menyampaikan maklumat yang benar kepada mereka yang mendengarnya dan (iv) wujudnya tindakan susulan.<sup>19</sup>

Intinya, kemahiran komunikasi ini juga merupakan aset utama yang dinilai oleh para majikan pada hari ini. Graduan yang kurang mahir semestinya akan menghadapi kesukaran dalam menyesuaikan diri di dalam alam pekerjaan nanti. Hal ini demikian kerana, komunikasi memainkan peranan penting dalam menghubungkan seseorang dengan pihak yang lain mengikut kepada info yang ingin dikongsikan bersama. Maka disini jelaslah

---

<sup>15</sup> Dora, M. T., Kudus, N., Abu Hassan, M., & Ali, R. (2007). *Kemahiran Insaniah: 7 Kompetensi Unggul Mahasiswa*. Penerbit Universiti Teknikal Melaka Malaysia.

<sup>16</sup> *Ibid.*

<sup>17</sup> Dora et. al., p. 3.

<sup>18</sup> Nawawi, A., Zakaria, G. A. N., & Hashim, N. (2020). Komunikasi berkesan menerusi pembelajaran berasaskan masalah dalam kursus Pendidikan Islam di Institusi Pengajian Tinggi. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(1), 22–23. <https://journalarticle.ukm.my/14477/1/31519-122958-1-PB.pdf>

<sup>19</sup> Aris, A., & Yunus, A. R. (2016). Komunikasi berkesan. 7-9.

[https://www.researchgate.net/publication/308414649\\_KOMUNIKASI\\_BERKESAN](https://www.researchgate.net/publication/308414649_KOMUNIKASI_BERKESAN)

bahawa kemahiran komunikasi amatlah penting dan para graduan perlu memantapkan diri di dalam bidang ini agar mereka dipandang tinggi serta lebih bernilai di pasaran kerjaya kelak.

## Dapatan Kajian

### Isu-isu Kemahiran Komunikasi Mahasiswa APIUM

Isu-isu yang sering berlaku dalam kalangan mahasiswa APIUM ini dapat dibahagikan kepada tiga isu utama iaitu (1) asas kemahiran komunikasi, (2) kemahiran komunikasi dan keyakinan diri mahasiswa dan (3) kemahiran komunikasi dan kebolehpasaran mahasiswa. Justeru itu, analisis data yang akan dilakukan adalah dengan menggunakan nilai kekerapan, peratusan dan juga skor min. Sementara itu, turut dilakukan penganalisan terhadap profil responden dan juga pengetahuan umum kemahiran komunikasi mahasiswa APIUM bagi mendapatkan dapatan kajian yang lebih meluas dan berpandukan kepada objektif kajian yang telah ditetapkan.

### Analisis Profil Responden

Profil responden ini menyentuh beberapa aspek seperti jantina, program pengajian, tahun pengajian dan juga tahap pengajian mahasiswa APIUM sebelum ini. Responden yang diperolehi adalah 115 orang dari pelbagai program pengajian dan Jadual 1 di bawah menunjukkan pengumpulan data bagi profil responden.

**Jadual 3: Profil Responden**

Bil.	Kategori	Kekerapan (N)	Peratus (%)
1.	<b>Jantina</b>		
	Lelaki	51	44.3%
	Perempuan	64	55.7%
2.	<b>Program pengajian</b>		
	Usuluddin	51	44.3%
	Syariah	23	20.0%
	SGPI	17	14.8%
	SMPI	24	20.9%
3.	<b>Tahun pengajian</b>		
	Tahun 1	5	4.3%
	Tahun 2	5	4.3%
	Tahun 3	33	28.7%
	Tahun 4	72	62.6%
4.	<b>Tahap pengajian sebelum ini</b>		
	Asasi	82	71.3%
	Diploma	11	9.6%
	STAM	7	6.1%
	STPM	15	13.0%
	Lain-lain	0	0%



	<b>Jumlah</b>	115	100%
--	---------------	-----	------

Dapatan kajian menunjukkan bilangan responden perempuan mendominasi kajian ini dengan responden perempuan iaitu 64 orang (55.7%) berbanding responden lelaki iaitu 51 orang (44.3%). Bagi program pengajian pula, mahasiswa Sarjana Muda Usuluddin juga memiliki peratusan tertinggi iaitu 44.3% iaitu seramai 51 orang dan diikuti oleh mahasiswa Sarjana Muda Pendidikan Islam (20.9%), Sains Gunaan Pengajian Islam (20.0%) dan Sarjana Muda Syariah (14.8%). Melihat pula pada statistik bagi tahun pengajian, kebanyakan responden yang berjaya menjawab soal selidik yang diedarkan adalah dalam kalangan mahasiswa Tahun 4 (62.6%) berbanding tahun pengajian yang lain. Berikutan kepada tahap pengajian mahasiswa sebelum ini, majoriti responden merupakan lepasan asasi sekaligus menunjukkan peratusan paling tinggi iaitu 71.3% bersamaan 82 orang responden.

### Analisis Pengetahuan Umum Kemahiran Komunikasi Mahasiswa APIUM

Berikut merupakan analisis dan perbincangan bagi pengetahuan umum kemahiran komunikasi dalam kalangan mahasiswa APIUM. Ia terbahagi kepada tiga item utama dan dianalisis dengan menggunakan nilai kekerapan dan peratus.

**Jadual 4: Pengetahuan Umum Kemahiran Komunikasi Mahasiswa APIUM**

Bil.	Item	Skala (%)	
		Ya	Tidak
1.	<i>Adakah anda tahu apa yang dimaksudkan dengan kemahiran komunikasi?</i>	96.5 % (111)	3.5% (4)
2.	<i>Adakah anda tahu kemahiran komunikasi merupakan salah satu kemahiran generik (kemahiran insaniah)?</i>	90.4% (104)	9.6% (11)
3.	<i>Adakah anda tahu bahawa kemahiran lisan, membaca, mendengar, menulis serta kemahiran bahasa dan gaya tubuh merupakan bentuk-bentuk kemahiran komunikasi?</i>	94.8% (109)	5.2% (6)
<b>JUMLAH (N) = 115</b>			

Berdasarkan kepada statistik kajian di atas, majoriti mahasiswa APIUM mempunyai pengetahuan umum yang kukuh akan kemahiran komunikasi yang meliputi dari sudut maksud dan sebagainya. Ketiga-tiga item di atas menunjukkan peratusan yang tinggi bagi pilihan jawapan 'Ya' dan hanya segelintir sahaja yang memilih 'Tidak'. Bagi item 1, seramai 111 orang responden (96.5%) mengetahui maksud kemahiran komunikasi secara umumnya namun segelintir mahasiswa iaitu seramai 4 orang (3.5%) yang masih tidak mengetahui apa yang dimaksudkan dengan kemahiran komunikasi. Statistik jelas menunjukkan bahawa

kebanyakan mahasiswa APIUM mempunyai maklumat asas akan apa itu kemahiran komunikasi.

Manakala pada item 2 pula menunjukkan peratusan yang lebih kurang sama dengan dapatan sebelum ini iaitu kebanyakan responden memilih ‘Ya’ bagi item 2 ini iaitu seramai 104 orang (90.4%). Manakala 11 orang (9.6%) memilih ‘Tidak’ kerana berkemungkinan mereka tidak mengetahui bahawa kemahiran komunikasi merupakan salah satu cabang bagi kemahiran generik (kemahiran insaniah).

Dapatan kajian bagi Item 3 juga jelas menunjukkan bahawa rata-rata mahasiswa APIUM mengetahui akan kemahiran lisan, membaca, mendengar, menulis serta kemahiran bahasa dan gaya tubuh merupakan bentuk-bentuk bagi kemahiran komunikasi. Seramai 109 orang responden (94.8%) mengetahui akan bentuk-bentuk kemahiran komunikasi dan segelintir daripada mereka iaitu seramai 6 orang responden (5.2%) yang berkemungkinan tidak mempunyai pendedahan lebih mendalam akan bentuk-bentuk kemahiran berkomunikasi.

### **Analisis Asas Kemahiran Komunikasi Mahasiswa APIUM**

Berikut merupakan analisis dan perbincangan bagi asas kemahiran komunikasi dalam kalangan mahasiswa Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Ia terbahagi kepada lima bahagian utama iaitu; (a) Komunikasi Lisan, (b) Komunikasi Mendengar, (c) Komunikasi Membaca, (d) Komunikasi Menulis dan (d) Komunikasi Bahasa dan Gaya Tubuh.

#### **a) Analisis bagi Komunikasi Lisan**

**Jadual 5: Komunikasi Lisan**

<b>Bil.</b>	<b>Item</b>	<b>Min (M)</b>
1.	<i>Saya berasa selesa semasa berbual dengan rakan sekelas tidak kira umur.</i>	4.31
2.	<i>Saya berasa selesa semasa berbual dengan pensyarah.</i>	3.97
3.	<i>Saya dapat memberikan pandangan dan pendapat saya dengan baik.</i>	3.97
4.	<i>Saya dapat berkomunikasi dengan baik apabila melakukan pembentangan.</i>	4.05
5.	<i>Saya rasa selesa berkomunikasi bersama rakan sekumpulan.</i>	<b>4.46</b>
6.	<i>Saya aktif dan sering melibatkan diri dalam perbincangan kumpulan.</i>	4.16
7.	<i>Saya berkomunikasi dengan orang lain (rakan sebaya) menggunakan tatabahasa yang betul dan sopan.</i>	4.16
8.	<i>Saya berkebolehan untuk berkomunikasi dengan orang dari pelbagai latar belakang.</i>	4.03

Sumber = Soal Selidik

Berdasarkan jadual di atas, item 5 memaparkan skor min yang tertinggi iaitu  $M = 4.46$ . Seramai 60 orang atau 52.2% memilih skala (4) Setuju bagi item ini dan 54 orang bersamaan 47.0% pula memilih skala 5 (Sangat Setuju). Namun hanya seorang (0.9%) kurang setuju dengan item ini. Statistik menjelaskan bahawa mahasiswa APIUM lebih senang dan selesa untuk berkomunikasi dengan ahli sekumpulan mungkin disebabkan jurang umur yang tidak jauh atau sebaya dengan mereka. Mereka lebih mudah untuk berkongsi pendapat untuk menyelesaikan tugas bersama. Ia disokong oleh pendapat Akindele (2012) dalam Masud (2013), yang dipetik oleh Ngadiman dan Jamaludin (2018, p. 9) bahawa pelajar rasa selesa untuk berkomunikasi dengan rakan yang berlainan bangsa selain dapat memperkukuhkan kepercayaan terhadap ahli kumpulan apabila melakukan tugas bersama-sama.<sup>20</sup> Maka mahasiswa APIUM bersetuju bahawa berkomunikasi dengan rakan sekumpulan dapat meningkatkan kemahiran komunikasi dalam diri mereka.

### **b) Analisis bagi Komunikasi Mendengar**

**Jadual 6: Komunikasi Mendengar**

<b>Bil.</b>	<b>Item</b>	<b>Min (M)</b>
<b>1.</b>	<i>Saya mempunyai kemahiran mendengar yang baik dan boleh mengulanginya dengan baik.</i>	4.02
<b>2.</b>	<i>Saya dapat mendengar dan memahami maklumat yang diberikan oleh pensyarah dalam kuliah.</i>	4.15
<b>3.</b>	<i>Saya peka dengan soalan yang diberikan kepada saya dan mampu untuk menjawabnya.</i>	3.95
<b>4.</b>	<i>Saya memberikan tumpuan dan mendengar dengan baik apa yang dibicarakan oleh orang lain.</i>	<b>4.21</b>

Sumber = Soal Selidik

Kajian menunjukkan skor min yang paling tinggi adalah pada item 4 iaitu  $M = 4.21$  di mana seramai 71 orang responden (61.7%) yang memilih setuju dan 34 orang atau 29.6% pula memilih sangat setuju. Hal ini kerana, komunikasi mendengar berkait rapat dengan cara kita mentafsir maklumat yang kita dengari melalui komunikasi yang terjalin. Oleh itu, mahasiswa APIUM mencapai persetujuan yang tinggi terhadap item 4 ini di mana jika seseorang itu memberikan tumpuan yang baik terhadap apa yang dibicarakan oleh orang lain, maka mereka memahami dan mengaplikasikan komunikasi mendengar dalam kehidupan seharian.

Item ini disokong berdasarkan kenyataan oleh Samit (1986, p. 113) bahawa mendengar merupakan aktiviti utama ketika berkomunikasi dan kajian juga membuktikan manusia menggunakan 45% daripada 80% waktu jaga mereka untuk mendengar sewaktu berinteraksi dengan orang lain. Manakala sebagai pelajar, mendengar telah merangkumi 60% sehingga 70% daripada aktiviti harian mereka kerana mereka perlu memberi tumpuan terhadap

<sup>20</sup> Ngadiman, S. H., & Jamaludin, M. F. (2018). Hubungan di antara kemahiran kerja berpasukan dan kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar semester akhir politeknik. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(19), 9.

pengajaran di dalam kelas.<sup>21</sup> Walaupun begitu, masih juga terdapat 10 orang responden atau 8.7% memilih untuk kurang setuju akan item ini.

### c) Analisis bagi Komunikasi Membaca

**Jadual 7: Komunikasi Membaca**

<b>Bil.</b>	<b>Item</b>	<b>Min (M)</b>
1.	<i>Saya boleh membaca dengan baik walaupun penggunaan tatabahasa yang tidak betul. (seperti di WhatsApp, Facebook, Tik Tok, Instagram etc)</i>	4.41
2.	<i>Saya boleh menyampaikan maklumat dengan jelas melalui pembacaan saya.</i>	4.29
3.	<i>Saya boleh membaca pelbagai bahan bacaan dengan lancar selain Bahasa Melayu. (Bahasa Inggeris, Bahasa Arab dan lain-lain)</i>	3.97
4.	<i>Saya sering mengisi masa lapang dengan membaca bahan bacaan ilmiah untuk meningkatkan kemahiran komunikasi.</i>	3.68

Sumber = Soal Selidik

Berdasarkan statistik tersebut, item 1 memaparkan skor min yang paling tinggi iaitu M = 4.41 di mana seramai 60 orang responden bersamaan 52.2% memilih sangat setuju dan 44 orang (38.3%) setuju akan item ini. Analisis bagi data ini menunjukkan nilai persetujuan responden adalah pada tahap yang paling tinggi. Hal ini demikian kerana penggunaan media sosial semakin meluas dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk menarik perhatian pelajar. Bahkan, mereka mudah untuk mengakses maklumat dari pelbagai platform dan berkongsi dengan orang lain.<sup>22</sup> Penggunaan tatabahasa yang salah juga tidak menghalang mahasiswa untuk membaca serta menuntut ilmu pengetahuan melalui media sosial.

### d) Analisis bagi Komunikasi Menulis

**Jadual 8: Komunikasi Menulis**

<b>Bil.</b>	<b>Item</b>	<b>Min (M)</b>
1.	<i>Saya sangat mahir dalam menulis esei atau tugas yang diberikan oleh pensyarah.</i>	3.88
2.	<i>Saya boleh menyampaikan maklumat dalam bentuk penulisan yang mudah difahami.</i>	3.97
3.	<i>Saya menggunakan tatabahasa yang betul dalam penulisan saya.</i>	4.08
4.	<i>Saya sering menghadapi masalah dalam menulis dengan jelas dan</i>	3.26

<sup>21</sup> Samit, S. (1986). Pendengaran tanpa mendengar: Satu analisis terhadap peranan mendengar dalam berkomunikasi. *ANALISIS*, 1(1), 113. [https://repo.uum.edu.my/id/eprint/962/1/Safri\\_Samit.pdf](https://repo.uum.edu.my/id/eprint/962/1/Safri_Samit.pdf)

<sup>22</sup> Mohd Zawawi, N. S., & Mohammad, I. S. (2019). Media sosial sebagai medium perkongsian maklumat dan pembelajaran sendiri dalam pengajaran dan pembelajaran. *E-Jurnal Liga Ilmu Serantau 2019: Malaysia Indonesia*, 43.

	<i>teratur.</i>	
5.	<i>Saya dapat menyusun e-mel atau mesej teks dengan jelas.</i>	<b>4.08</b>

Sumber = Soal Selidik

Item 3 dan 5 masing-masing menunjukkan nilai min yang paling tinggi iaitu  $M = 4.08$ . Terdapat 1 orang (0.9%) memilih sangat tidak setuju, 2 orang (1.7%) memilih tidak setuju serta 14 orang (12.2%) lagi menunjukkan kurang setuju terhadap item 3. Namun, seramai 30 orang responden atau 26.1% memilih sangat setuju dan 68 orang (59.1%) pula memilih setuju bagi item ketiga (3) ini. Statistik data ini menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi bagi item ini. Begitu juga item 5 di mana seramai 30 orang atau 26.1% memilih sangat setuju dan 67 orang lagi (58.3%) memilih setuju. Berdasarkan Mohd Tahir et al (2017, p. 86-87), mahasiswa berupaya untuk menulis dan menghasilkan tugas dengan baik sekiranya mereka dapat mengatasi cabaran serta rintangan dalam menyiapkan sesuatu tugas seperti kurangnya pembacaan, kurangnya keyakinan dalam diri, faktor kesihatan diri dan sebagainya.<sup>23</sup>

#### e) Analisis bagi Komunikasi Bahasa dan Gaya Tubuh

**Jadual 9: Komunikasi Bahasa dan Gaya Tubuh**

<b>Bil.</b>	<b>Item</b>	<b>Min (M)</b>
1.	<i>Saya mahir berkomunikasi dalam bahasa asing selain Bahasa Melayu (Bahasa Inggeris, Bahasa Arab dan lain-lain).</i>	3.53
2.	<i>Saya sering menggunakan bahasa asing sama ada semasa pembentangan dan berbual bersama rakan.</i>	3.17
3.	<i>Saya sering berinteraksi menggunakan gaya tubuh (pergerakan tangan, isyarat mata dan lain-lain) semasa pembentangan bagi menarik perhatian pendengar.</i>	<b>3.88</b>
4.	<i>Saya boleh berkomunikasi menggunakan bahasa isyarat dengan baik (sign language).</i>	2.53

Sumber = Soal Selidik

Berdasarkan jadual berikut, skor min yang paling tinggi adalah item 3 iaitu  $M = 3.88$ . Seramai 28 orang bersamaan 24.3% memilih sangat setuju dan 57 orang atau 49.6% memilih setuju bagi item ini. Manakala item 4 pula memaparkan skor min pada tahap yang paling rendah iaitu  $M = 2.53$ . Seramai 35 orang (30.4%) memilih untuk sangat tidak setuju bagi item ini. 26 orang atau 22.6% telah memilih tidak setuju dan 23 orang lagi (20.0%) memilih kurang setuju.

Item 3 yang mempunyai skor min paling tinggi kerana menurut Mohd Hamid dan Mohd Matore (2022, p. 4&5), pembentangan yang baik adalah pelajar itu berkebolehan dalam melakukan pergerakan ringan seperti menggerakkan tangan, ada isyarat mata dengan penonton dan lain-lain lagi. Ia juga bertujuan untuk mengurangkan tekanan dan

<sup>23</sup> Mohd Tahir, H., Ramlie, M. K., & Abdullah, A. F. (2017). Keupayaan menulis dan menangani cabaran penulisan ilmiah bagi pelajar-pelajar siswazah. *Ideology*, 2(2), 86–87. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/30606/1/30606.pdf>

meningkatkan keyakinan diri untuk memastikan pembentangan yang dilakukan berjalan dengan lancar dan boleh difahami dengan jelas.<sup>24</sup> Justeru itu, komunikasi bahasa dan gaya tubuh ini memainkan peranan penting dan sebagai penyeri kepada percakapan agar seseorang itu tidak berasa janggal untuk berkomunikasi di hadapan khalayak ramai.

## **Analisis Kemahiran Komunikasi dan Keyakinan Diri Mahasiswa APIUM**

**Jadual 10: Kemahiran Komunikasi dan Keyakinan Diri Mahasiswa APIUM**

<b>Bil.</b>	<b>Item</b>	<b>Min (M)</b>
1.	<i>Saya sangat yakin dalam berkomunikasi di depan khalayak umum dengan lancar.</i>	3.57
2.	<i>Saya sangat yakin dalam membentangkan idea di hadapan rakan sekelas saya dan pensyarah.</i>	3.71
3.	<i>Saya boleh berinteraksi dengan yakin menggunakan bahasa selain Bahasa Melayu (Bahasa Arab, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina, Bahasa Korea, Bahasa Jepun etc).</i>	3.23
4.	<i>Saya bergiat dengan sangat aktif di dalam kelas untuk meningkatkan keyakinan dalam berkomunikasi.</i>	3.50
5.	<i>Saya rasa bahawa kemahiran komunikasi dapat meningkatkan keyakinan mahasiswa APIUM.</i>	<b>4.45</b>
6.	<i>Saya rasa berkomunikasi dengan menggunakan tatabahasa yang betul dapat meningkatkan keyakinan diri.</i>	4.40

Sumber = Soal Selidik

Item 5 menunjukkan skor min tertinggi iaitu  $M = 4.45$ . Majoriti mahasiswa APIUM bersetuju dengan pernyataan bahawa kemahiran komunikasi dapat meningkatkan keyakinan dalam diri mahasiswa. Hal ini dibuktikan dengan kajian oleh Buntat dan Hassan (2010, p. 5-9) bahawa keyakinan diri dapat mempengaruhi kemahiran komunikasi apabila pelajar menceburkan diri dalam aktiviti kokurikulum seperti memegang jawatan sebagai ahli jawatankuasa kolej mahasiswa. Bahkan keyakinan pelajar dalam berkomunikasi dapat diukur melalui aktiviti berkumpul kerana mereka dapat memulakan komunikasi sesama ahli kumpulan disebabkan mereka mempunyai tujuan yang sama iaitu menyiapkan tugas yang diberikan.<sup>25</sup> Justeru itu, keyakinan dalam diri mahasiswa APIUM dapat dipupuk melalui pelbagai aktiviti yang boleh meningkatkan tahap kemahiran komunikasi mereka seperti aktiviti pembentangan, aktiviti berkumpul dan lain-lain lagi.

<sup>24</sup> Mohd Hamid, & Mohd Matore, M. E. @ E. (2022). Isu dan cadangan terhadap penilaian pembentangan komunikasi dalam kalangan pelajar TVET: Suatu pemerhatian awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), 4–5. <https://msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/view/1359/970>

<sup>25</sup> Buntat, Y. & Hassan, M. S., p. 5-9.

## **Analisis Kemahiran Komunikasi dan Kebolehpasaran Mahasiswa APIUM**

**Jadual 11: Kemahiran Komunikasi dan Kebolehpasaran Mahasiswa APIUM**

<b>Bil.</b>	<b>Item</b>	<b>Min (M)</b>
1.	<i>Saya rasa dengan penguasaan kemahiran komunikasi dapat membantu meningkatkan kebolehpasaran mahasiswa APIUM.</i>	4.69
2.	<i>Penguasaan terhadap Bahasa Inggeris adalah penting kerana dapat meningkatkan kebolehpasaran mahasiswa APIUM kelak.</i>	<b>4.70</b>
3.	<i>Penguasaan terhadap Bahasa Arab merupakan skill tambahan yang boleh meningkatkan kebolehpasaran mahasiswa APIUM setelah tamat pengajian.</i>	<b>4.70</b>
4.	<i>Saya rasa keterlibatan mahasiswa APIUM dalam pelbagai program atau kursus kemahiran komunikasi dapat meningkatkan kebolehpasaran mahasiswa APIUM kelak.</i>	4.69
5.	<i>Program yang dianjurkan di APIUM membantu mahasiswa APIUM dalam meningkatkan kemahiran komunikasi dan kebolehpasaran mereka.</i>	4.62

Sumber = Soal Selidik

Kedua-kedua item 2 dan item 3 menunjukkan skor min tertinggi iaitu  $M = 4.70$ . Berdasarkan skor min tersebut, mahasiswa APIUM bahawa penguasaan terhadap Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab dalam berkomunikasi boleh meningkatkan kebolehpasaran mahasiswa setelah menamatkan pengajian. Ia disokong berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi oleh Mohd Amin dan Abd. Rahim (2010, p. 8-9) menyatakan bahawa pelajar turut bersetuju bahawa menguasai kemahiran komunikasi dalam Bahasa Inggeris adalah penting sebagai persediaan mereka sebelum memulakan kerjaya.<sup>26</sup> Pelajar juga menyedari akan kepentingan penguasaan Bahasa Inggeris kerana kes pengangguran dalam kalangan graduan adalah tinggi disebabkan kegagalan mereka untuk berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dengan baik ketika memohon pekerjaan.<sup>27</sup>

Begitu juga terhadap penekanan dalam penguasaan berkomunikasi dalam Bahasa Arab memberi peluang cerah kepada mahasiswa Pengajian Islam khususnya di APIUM sebagai kemahiran tambahan yang boleh meningkatkan kebolehpasaran mereka. Walaupun untuk menguasai sesuatu bahasa itu bukan mudah namun menurut Mohamad (2009, p. 3), berkomunikasi ini memerlukan kepada kemahiran berbahasa yang tinggi dan ia juga meliputi bahasa paralinguistik serta wacana. Oleh itu, kelemahan pelajar dalam aspek berikut berkemungkinan menjadi punca pelajar tidak menjadikan Bahasa Arab sebagai salah satu bahasa komunikasi. Akan tetapi, mereka mengakui bahawa penguasaan berkomunikasi dalam

<sup>26</sup> Amin, N. F. M., & Rahman, A. A. (2010). Tahap penguasaan Bahasa Inggeris sebagai persediaan untuk kerjaya dalam kalangan pelajar Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan. 7. <https://core.ac.uk/download/pdf/11785814.pdf>, p. 8-9.

<sup>27</sup> Mamat, M. (2016). Penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar tahun satu di UKM. *Issues in Language Studies*, 5(2).

Bahasa Arab adalah penting malah perlu dipraktikkan dalam kehidupan seharian selain daripada mempertingkatkan kemahiran berkomunikasi.<sup>28</sup>

### **Solusi Bagi Meningkatkan Kemahiran Komunikasi Mahasiswa APIUM**

Bagi mengatasi isu-isu kemahiran komunikasi dalam kalangan mahasiswa APIUM ini, pelbagai solusi atau langkah yang boleh digunakan sebagai salah satu inisiatif yang berkesan. Justeru itu, terdapat dua item yang akan dianalisis secara terperinci berikutan dengan cadangan solusi dengan tujuan dapat memberi impak kepada peningkatan kemahiran komunikasi ini. Solusi yang disenaraikan ini adalah selari dengan isu-isu kemahiran komunikasi yang telah diperbincangkan sebelum ini.

#### **Analisis dan Maklum Balas Responden bagi Soalan 1**

**Jadual 12: Solusi -solusi Untuk Meningkatkan Kemahiran Komunikasi Mahasiswa APIUM**


<b>Bil.</b>	<b>Item</b>	<b>Kekerapan (N)</b>	<b>Peratus (%)</b>
1.	<i>Menyertai bengkel pementapan kemahiran insaniah khususnya kemahiran komunikasi.</i>	95	<b>82.6%</b>
2.	<i>Turut serta dalam aktiviti kesukarelawanan.</i>	84	<b>73.0%</b>
3.	<i>Menonjolkan diri dengan menyertai pertandingan pidato, pengucapan awam, debat dan lain-lain lagi.</i>	90	<b>78.3%</b>
4	<i>Menyertai program pertukaran pelajar di mana-mana universiti/institusi antarabangsa di luar negara.</i>	82	<b>71.3%</b>
5.	<i>Menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.</i>	39	33.9%
6.	<i>Mendapatkan perkhidmatan kaunseling.</i>	27	23.5%
7.	<i>Menyertai kelab atau persatuan di universiti.</i>	74	64.3%
8.	<i>Menjadi ahli jawatankuasa/urus setia dalam sesebuah program.</i>	79	68.7%
<b>JUMLAH</b>		<b>115</b>	<b>100%</b>

Sumber = Soal Selidik

### **Rajah 1**

<sup>28</sup> Mohamad, A. H. (2009). Tahap komunikasi dalam Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1), 3. <https://journalarticle.ukm.my/761/1/1.pdf>.





Soalan 1 merupakan soalan pilihan iaitu 'Apakah solusi yang sesuai dan berkesan untuk meningkatkan kemahiran komunikasi mahasiswa di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya? Sila pilih empat yang terbaik'. Oleh itu, Jadual 12 dan Rajah 1 di atas menunjukkan senarai solusi yang boleh dipraktikkan untuk meningkatkan kemahiran komunikasi dalam kalangan mahasiswa APIUM. Responden telah diberi ruang untuk memilih empat solusi yang bersesuaian untuk mengukuhkan kemahiran komunikasi mahasiswa APIUM. Oleh itu, empat solusi yang mempunyai peratusan paling tinggi adalah (1) menyertai bengkel pemantapan kemahiran insaniah khususnya kemahiran komunikasi (82.6%), (2) Menonjolkan diri dengan menyertai pertandingan pidato, pengucapan awam, debat dan lain-lain lagi (78.3%), (3) turut serta dalam aktiviti kesukarelawanan (73.0%) dan (4) menyertai program pertukaran pelajar di mana-mana universiti/institusi antarabangsa di luar negara (71.3%). Keempat-empat solusi ini adalah solusi yang ketara yang dipersetujui oleh majoriti mahasiswa APIUM dalam memantapkan kemahiran komunikasi dalam diri mereka.

## Analisis dan Maklum Balas Responden bagi Soalan 2

Berdasarkan soalan 2 iaitu "Adakah anda mempunyai sebarang cadangan lain untuk meningkatkan kemahiran komunikasi mahasiswa di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya?", kebanyakan mahasiswa APIUM menyatakan pandangan serta pendapat mereka akan kesesuaian solusi yang boleh digunakan dalam membantu mereka menjadi mahasiswa yang berkemahiran dalam komunikasi secara holistik. Antara cadangan solusi yang diutarakan oleh mahasiswa APIUM adalah seperti yang berikut:

- Mempergiatkan aktiviti perdebatan mahupun pengucapan awam secara berkala.
- Memperbanyak lagi bengkel atau program bagi pemantapan kemahiran komunikasi.
- Mengadakan Minggu atau Hari Bahasa.
- Meningkatkan pembacaan dalam kalangan mahasiswa APIUM.
- Menambahbaik keterampilan mahasiswa APIUM.

Berdasarkan kepada senarai solusi berikut, mahasiswa APIUM berpendapat bahawa menganjurkan pelbagai program seperti Minggu Bahasa atau Hari Bahasa, aktiviti perdebatan dan pengucapan awam dapat membantu mahasiswa dalam mengukuhkan kemahiran komunikasi mereka dengan lebih efektif serta berkesan. Apabila mahasiswa aktif menceburkan diri dalam pelbagai aktiviti anjuran pihak universiti atau pihak luar, ia dapat

membentuk mahasiswa yang holistik dan yakin ketika berkomunikasi walaupun bertutur dalam bahasa bukan kegunaan seharian. Begitu juga dengan pementapan dari sudut pembacaan dan keterampilan mahasiswa kerana ia memberi impak yang signifikan terhadap komunikasi mereka dengan pihak lain. Sebagai contoh, kemahiran komunikasi mempunyai kaitannya dengan keterampilan mahasiswa kerana komunikasi merupakan salah satu aspek keterampilan yang ditekankan oleh majikan. Maka, mahasiswa yang berani membicarakan sesuatu, berani melontarkan pandangan dan tidak malu untuk berinteraksi di hadapan orang ramai mencerminkan kepada keterampilan yang baik dalam diri mahasiswa.

### **Solusi Pihak Universiti Malaya**

Dalam membina mahasiswa yang berketerampilan baik dan produktif khususnya dalam memangkin kemahiran insaniah dalam diri mahasiswa, UM telah memberikan beberapa solusi yang boleh menjadi salah satu inisiatif dalam meningkatkan kemahiran insaniah terutamanya bagi kemahiran komunikasi. Terdapat dua solusi daripada Universiti Malaya bagi memperkasakan kemahiran komunikasi dalam kalangan mahasiswa khususnya mahasiswa APIUM seperti berikut.

#### **a) Sustainability Student and Voluntary Led Group**

Universiti Malaya telah memperkenalkan satu solusi bagi memangkin tindakan pelajar terhadap “*Sustainability Development Goals*” (SDGs) dan ingin meningkatkan pemahaman mahasiswa terhadap SDGs di mana mahasiswa diberi peluang untuk menunjukkan kemahiran sosial dan kepimpinan mereka dalam memimpin kumpulan sama ada sebagai sekretariat, kelab atau persatuan yang berpusatkan di Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) atau lebih tertumpu kepada fakulti, akademi, jabatan masing-masing atau pusat-pusat.

Mahasiswa boleh menyumbang dalam pelbagai cara dalam meningkatkan kemampuan UM SDGs melalui (1) Penyelidikan, (2) Kesedaran dan Advokasi, (3) Pendidikan dan Pembangunan, (4) Keusahawanan Sosial, (5) Sukarelawan dan Penglibatan Komuniti dan sebagainya. Namun, solusi yang ingin diberi perhatian adalah dari sudut sukarelawan dan penglibatan komuniti di mana mahasiswa boleh bergiat aktif dengan mengambil bahagian dalam program sukarelawan, projek khidmat masyarakat dan aktiviti kesukarelawanan yang lain untuk pembangunan mahasiswa dan Universiti Malaya. Walaupun solusi ini tidak memberi pengkhususan kepada kemahiran komunikasi, namun ianya secara tidak langsung telah mengukuhkan kemahiran ini kerana aktiviti kesukarelawanan adalah aktiviti yang melibatkan interaksi sesama manusia.<sup>29</sup>

#### **b) Program Precision Intervention: 7s of Communication Skills**

‘*Program Precision Intervention: 7s of Communication Skills*’ ini merupakan salah satu inisiatif Universiti Malaya yang dilakukan secara berperingkat dan Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam (JSTI), Akademi Pengajian Islam telah terlibat bagi menjayakan program ini. Program ini telah disertai oleh mahasiswa Ijazah Sarjana Muda yang terpilih daripada Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Universiti Malaya yang bertempat di Balai Imam Mahmood

---

<sup>29</sup> *Sustainability Student & Voluntary Led Group*. (2022). University Malaya. Retrieved January 19, 2024, from <https://sustainability.um.edu.my/sustainability-student-amp-voluntary-led-group>

Zuhdi (BIMZ) di Akademi Pengajian Islam. Pemilihan peserta adalah berdasarkan kepada keputusan 'My Career Personality Profiler' atau ujian berbentuk psikometrik yang perlu diisi oleh semua mahasiswa UM yang menekankan kepada lima aspek kemahiran insaniah iaitu (1) Komunikasi, (2) Kreativiti, (3) Keusahawanan, (4) Kepimpinan dan (5) Kerjasama Berkumpulan.

Mahasiswa yang memperoleh keputusan ujian tersebut pada tahap yang rendah khususnya aspek komunikasi digalakkan untuk menyertai yang dijalankan ini. Melalui program ini, para peserta telah didedahkan dengan kemahiran komunikasi secara berkesan dalam kalangan mahasiswa melalui aktiviti praktikal berkumpulan, pemantapan keyakinan diri mahasiswa untuk berani ke hadapan ketika berkomunikasi berdasarkan kepada rahsia 7s dalam kemahiran berkomunikasi. Program ini cuba merungkaikan persoalan berkaitan dengan cara untuk berkomunikasi serta bagaimana langkah untuk mengatasi cabaran dalam berkomunikasi.<sup>30</sup>

## **Kesimpulan**

Hasil dapatan kajian yang telah dilakukan dapat disimpulkan bahawa sebahagian besar mahasiswa APIUM memahami konsep asas kemahiran komunikasi, termasuk jenis-jenis dan bentuk kemahiran komunikasi. Sementelahan itu, dari segi isu keyakinan mahasiswa APIUM dalam berkomunikasi secara berkesan, dapat diperhatikan bahawa keyakinan mahasiswa APIUM untuk bertutur dalam bahasa asing selain Bahasa Melayu, khususnya Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab, masih berada pada tahap sederhana. Walaupun mereka cakna akan kepentingan kemahiran berbahasa asing ini, namun keberanian untuk berkomunikasi dalam bahasa asing masih belum mencapai tahap yang memuaskan.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa majoriti mahasiswa APIUM memberikan persetujuan terhadap pandangan bahawa penguasaan kemahiran komunikasi memainkan peranan penting dalam menentukan kebolehpasaran mereka selepas menamatkan pengajian. Oleh itu, ini secara tidak langsung menyimpulkan bahawa mahasiswa APIUM menyedari kepentingan kemahiran komunikasi bukan sahaja sebagai alat untuk berinteraksi, tetapi juga sebagai elemen yang mempengaruhi kejayaan dalam kerjaya masing-masing. Maka, dengan mengaplikasikan solusi-solusi yang telah dicadangkan, ia dapat membantu mahasiswa dalam mempertingkatkan kemahiran berkomunikasi mereka sekaligus membuka lebih banyak peluang kepada mahasiswa untuk mempraktikkan serta mengasah kembali kemahiran berkomunikasi mereka secara efektif seperti mengikuti bengkel pemantapan, menggiatkan diri dengan aktif dalam pertandingan debat dan lain-lain lagi.

Justeru itu, kemahiran komunikasi ini merupakan suatu topik yang menarik untuk dikaji dengan lebih mendalam. Walaupun umumnya memaklumi bahawa kemahiran komunikasi adalah salah satu kemahiran generik, akan tetapi masih lagi terdapat isu yang hadir dalam kalangan mahasiswa sehingga mereka tidak memberikan penekanan terhadap kemahiran komunikasi ini sedangkan ia membantu dalam meningkatkan keyakinan diri serta kebolehpasaran mereka setelah menamatkan pengajian nanti. Hal ini perlu diberi perhatian akan pengukuhan kemahiran komunikasi bukan hanya dari sudut akademik sahaja tetapi juga

---

<sup>30</sup> Sejarah & Tamadun Islam API UM, (4 Disember 2022). Rangkuman Program Precision Intervention Jabatan Sejarah & Tamadun Islam [Gambar], Facebook.  
[https://m.facebook.com/story.php?story\\_fbid=pfbid03wZ9smegZMEYNFpD4R2YAp3LMwbxda9DNdxwZLQdgUoEMyi8qm5BDhHzXSU75WE1&id=100064063564215&mibextid=RtaFA8](https://m.facebook.com/story.php?story_fbid=pfbid03wZ9smegZMEYNFpD4R2YAp3LMwbxda9DNdxwZLQdgUoEMyi8qm5BDhHzXSU75WE1&id=100064063564215&mibextid=RtaFA8)

sebagai kunci untuk pembangunan mahasiswa. Oleh hal yang demikian, pengkaji meletakkan harapan yang tinggi agar hasil kajian ini mampu mendatangkan manfaat kepada masyarakat walaupun hanya sekadar pemahaman mengenai isu-isu kemahiran komunikasi serta solusi yang bersesuaian mengikut keadaan semasa.

## **Rujukan**

- Abbas, R. (2017). Kompetensi interpersonal dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP): Satu analisis). *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 1(4), 113. <https://journal.ump.edu.my/ijhtc/article/view/1054/165>
- Ahmad, N. S., Amzah, F., & Che Aman, R. (2008). Kemahiran komunikasi guru pelatih Universiti Sains Malaysia. *Jurnal Pendidik Dan Pendidikan*, 24, 126. [http://apjee.usm.my/APJEE\\_24\\_2009/JPP24\\_08\\_NorShafrin\\_125-142.pdf](http://apjee.usm.my/APJEE_24_2009/JPP24_08_NorShafrin_125-142.pdf)
- Ali @ Mat Zin, A. (2022). *Metodologi Penyelidikan Sejarah Islam*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Andriani, N. (2019). Tinjauan Pustaka: Analisis Deskriptif. Universitas Muhammadiyah Semarang. <http://repository.unimus.ac.id/3932/3/13.%20BAB%20II.pdf>
- Aris, A., & Yunus, A. R. (2016). Komunikasi berkesan. 7-9. [https://www.researchgate.net/publication/308414649\\_KOMUNIKASI\\_BERKESAN](https://www.researchgate.net/publication/308414649_KOMUNIKASI_BERKESAN)
- Bahagian Ijazah Dasar, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Buntat, Y., & Hassan, M. S. (2010). Kemahiran komunikasi dalam meningkatkan keyakinan diri pelajar. Satu tinjauan di kalangan Ahli Jawatankuasa Kolej Mahasiswa, Universiti Teknologi Malaysia. 1–2.
- Dora, M. T., Kudus, N., Abu Hassan, M., & Ali, R. (2007). *Kemahiran Insaniah: 7 Kompetensi Unggul Mahasiswa*. Penerbit Universiti Teknikal Melaka Malaysia.
- Husain, M. Y., Mokhtar, S. B., Kamil, A. A., & Mustapha, R. (2010). *Kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar Kejuruteraan Elektrik Politeknik Sultan Azlan Shah*. Paper presented at the The Regional Seminar on Sciences, Technology and Social Sciences.
- Kemahiran Generik dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan, PUO, 95.
- Komunikasi. (2004). In *Kamus Dewan Edisi Keempat* (4th ed., p. 812). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Konting, M. M. (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mamat, M. (2016). Penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar tahun satu di UKM. *Issues in Language Studies*, 5(2).

- Mangkau, I. D. (2013, 13 Jun). *Penguasaan kemahiran komunikasi interpersonal dalam kalangan pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional di UTHM* Paper presented at the Prosiding Seminar Pendidikan Pasca Ijazah dalam PTV Kali Ke-2.
- Mohamad, A. H. (2009). Tahap komunikasi dalam Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1), 1. <https://journalarticle.ukm.my/761/1/1.pdf>
- Mohd Hamid, & Mohd Matore, M. E. @ E. (2022). Isu dan cadangan terhadap penilaian pembentangan komunikasi dalam kalangan pelajar TVET: Suatu pemerhatian awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), 4–5. <https://msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/view/1359/970>
- Mohd Tahir, H., Ramlie, M. K., & Abdullah, A. F. (2017). Keupayaan menulis dan menangani cabaran penulisan ilmiah bagi pelajar-pelajar siswazah. *Ideology*, 2(2), 86–87. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/30606/1/30606.pdf>
- Mohd Zawawi, N. S., & Mohammad, I. S. (2019). Media sosial sebagai medium perkongsian maklumat dan pembelajaran sendiri dalam pengajaran dan pembelajaran. *E-Jurnal Liga Ilmu Serantau 2019: Malaysia Indonesia*, 43.
- Nawi, A., Zakaria, G. A. N., & Hashim, N. (2020). Komunikasi berkesan menerusi pembelajaran berasaskan masalah dalam kursus Pendidikan Islam di Institusi Pengajian Tinggi. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(1), 22–23. <https://journalarticle.ukm.my/14477/1/31519-122958-1-PB.pdf>
- Ngadiman, S. H., & Jamaludin, M. F. (2018). Hubungan di antara kemahiran kerja berpasukan dan kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar semester akhir politeknik. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(19), 9.
- Pohan, D. D., & Fitria, U. S. (2022). Jenis-jenis komunikasi. *Cybernetics; Journal Educational Research and Social Studies*, 2(3), 31.
- Samit, S. (1986). Pendengaran tanpa mendengar: Satu analisis terhadap peranan mendengar dalam berkomunikasi. *ANALISIS*, 1(1), 113. [https://repo.uum.edu.my/id/eprint/962/1/Safri\\_Samit.pdf](https://repo.uum.edu.my/id/eprint/962/1/Safri_Samit.pdf)
- Sejarah & Tamadun Islam API UM, (4 Disember 2022). Rangkuman Program Precision Intervention Jabatan Sejarah & Tamadun Islam [Gambar], Facebook. [https://m.facebook.com/story.php?story\\_fbid=pfbid03wZ9smegZMEYNFpD4R2YAp3LMwbxda9DNdxwZLQdgUoEMyi8qm5BDhHzXSUt75WEI&id=100064063564215&mibextid=RtaFA8](https://m.facebook.com/story.php?story_fbid=pfbid03wZ9smegZMEYNFpD4R2YAp3LMwbxda9DNdxwZLQdgUoEMyi8qm5BDhHzXSUt75WEI&id=100064063564215&mibextid=RtaFA8)
- Sustainability Student & Voluntary Led Group*. (2022). University Malaya. Retrieved January 19, 2024, from <https://sustainability.um.edu.my/sustainability-student-amp-voluntary-led-group>